

Pemilihan Buku Teks Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Berasaskan Teori Sosial

Siti Khariah Binti Mohd Zubir
khariah@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Masalah pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu dalam sistem pendidikan di Malaysia bukan lagi satu perkara baru. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu telah bertahun-tahun menjadi satu mata pelajaran pilihan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Mata pelajaran ini disogokkan kepada pelajar ‘yang tidak ada’ mata pelajaran yang lain untuk diambil dalam peperiksaan. Buku teks Kesusasteraan Melayu terlalu banyak, iaitu lima buah buku digunakan bagi pelajar tingkatan empat dan lima. Perkara ini menyebabkan pelajar kurang berminat untuk mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Sementara bahasa yang digunakan dalam buku teks itu agak tinggi menjadikan pelajar kurang faham dengan isi kandungannya. Biasanya pelajar yang mengambil mata pelajaran ini ialah pelajar yang lemah dan kadangkala tidak boleh membaca dengan lancar. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kriteria dan kesesuaian teks Kesusasteraan Melayu dengan kurikulum pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci Kurang minat; Buku Teks ; kriteria, kesesuaian, kurikulum pengajaran;

Abstract

Problems occurred in the teaching and learning of the Malay Literature is no longer a new issue in the current educational matter. Malay Literature has been one of the elective subjects in the Malay Certificate of Education (SPM) and Higher School Certificate (STPM). This subject has been provoked as the last choice subject among the students. There are already too many Malay Literature textbook being used by our students which is a burden to them. Students have no interest in choosing the Malay Literature subject. The language being used in the textbook is much higher that make it difficult for the students to understand the content of the book. This subject is normally being chosen by weaker students who have difficulties in reading that make them facing bigger problem to understand the subject. The objective of this research is to identify the criteria and suitability of the Malay Literature textbook in accordance to the teaching and learning of the Malay Literature subject.

Keyword no interest, textbook, criteria, suitability, teaching curriculum

Pengenalan

Dalam zaman sains dan teknologi yang mencabar ini, usaha untuk memajukan kesusasteraan Melayu memerlukan kesungguhan. Kaedahnya harus disesuaikan dengan kehendak zaman agar kesusasteraan tetap penting bagi pembinaan generasi muda yang menguasai sains dan teknologi, ilmu perancangan dan korporat. Generasi muda ini di samping tidak meninggalkan sastera sebagai ilmu alat pendukung seni budaya bangsa. Sebuah negara maju harus mencapai kemajuan dalam segala bidang. Hal inilah yang sering ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Negara yang mahu melahirkan individu dengan pencapaian yang seimbang dari segi emosi, rohani, jasmani dan intelek. Negara-negara yang telah mencapai kemajuan dalam bidang sains dan teknologi serta peluasan bidang korporat seperti Jepun, juga telah melahirkan sasterawan-sasterawan besar yang memenangi Hadiah Nobel dalam bidang sastera. Hal ini telah dijelaskan oleh mantan Perdana Menteri keempat, iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu mengungkapkan gagasan Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991. Beliau menyatakan :

“Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala segi. Dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepadan sosial dari segi ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan bangsa sendiri”

(*Pendidikan dan Masyarakat*: 201)

Bagi merealisasikan harapan mantan Perdana Menteri ini, setiap warga perlu bergerak sederap dan seiring. Tidak ada golongan yang dipinggirkan dalam usaha memajukan negara. Pelbagai langkah perlu dilakukan bagi memastikan sastera masih terus memainkan peranan dalam menghasilkan karya sastera yang bermutu tinggi dan menjadi cerminan keperihalan zamannya.

Tujuan utama pengajaran kesusasteraan adalah untuk memperkenalkan kepada pelajar aspek-aspek yang terdapat dalam sastera seperti kebudayaan, agama, moral, keindahan, kemanusiaan, bahasa dan sebagainya ada kaitannya dengan kehidupan seharian dan masyarakat. Pendedahan aspek-aspek yang terdapat dalam karya sastera secara meluas dan terpimpin oleh guru-guru yang berwibawa dapat menyedarkan kepada pelajar bahawa sastera adalah sebahagian daripada diri mereka sendiri. Mereka juga dapat memahami kehidupan manusia di sekeliling mereka. Oleh hal yang demikian, pemilihan buku teks yang sesuai untuk pengajaran Kesusasteraan Melayu amat penting.

Teks yang dipilih haruslah berkualiti dan sesuai dari sudut pembelajaran dan pengajaran pelajar di dalam kelas. Memilih teks popular bukanlah satu jawapan terhadap masalah ini dan keadaan bakal menjadi semakin kusut. Esei dalam *Novel Pop Bukan Kitsch Bukan Erotik Bukan Picis* (2008:2) menunjukkan bahawa novel popular hanya berkisar pada cinta muda mudi, tetapi tempiasnya mengena kepada aspek gejala sosial umumnya juga menyentuh aspek rumah tangga, kelainan darjat dan status, perbezaan jumlah harta benda, pendidikan formal dan keturunan dalam masyarakat. Novel popular lebih dikatakan mempunyai konotasi sampah sarap atau *garbage* dari kaca mata penilaian sastera dan hanya wujud dalam makam budaya terendah. Namun begitu, apabila memikirkan karya

popular dihasilkan untuk menjamu sepuas-puasnya selera khalayak yang gemar membaca, sedangkan karya serius pula lebih kepada pengalaman, fahaman dan falsafah pengarang, mungkin kerana itu karya popular dikatakan sampah. Karya popular lebih menonjolkan kementahan tema yang ingin disampaikan, latar yang berfungsi sebagai latar yang sebenar dan gaya penyampaiannya lebih kepada “tukang cerita”. Jadi adakah karya yang begini bakal dibaca, dikaji dan dinilai oleh pelajar abad ini?

Oleh hal yang demikian, karya-karya yang dipilih seharusnya memenuhi kriteria atau unsur-unsur yang dapat menarik minat pelajar untuk menghayati sastera dan bukannya gemar membaca. Teks-teks ini semestinya menarik dari segi peristiwa, tema, persoalan dan isu, aspek alam sekitar, masalah sosial, perkembangan sains dan teknologi, dunia kewangan dan ekonomi. Biarlah pelajar dapat merasai dan mempelajari kerelevan teknologi dengan realiti kehidupan masa kini.

Kemerosotan Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu di Sekolah

Mohamad Saleeh Rahmat pada tahun 2011 dalam kajiannya yang bertajuk “Fungsi Sastera Dalam Pembinaan Budaya, Pengukuh Ideologi dan Alat Pendidikan Bahasa” menyatakan bahawa teks sekolah perlu mencerminkan pencapaian tertinggi sastera kebangsaan, bukannya daripada karya yang tidak teruji. Penentuan sama ada karya itu bernilai atau tidak sangat mudah kerana telah banyak proses penilaian dibuat terhadap karya sastera di negara ini sama ada melalui sayembara penulisan, anugerah penghargaan, maupun kritikan yang berwibawa. Pemilihan teks yang representatif bagi zaman dan angkatan tertentu akan mampu memberihkan manfaat yang diharapkan. Karya sedemikian telah dinilai sebagai baik dalam aspek bahasanya dan dapat digunakan untuk mempelbagaikan data kebahasaan.

Pengkaji lain yang telah membuat kajian tentang “Penilaian Ke Arah Memartabatkan Kembali Kertas Kesusasteraan Melayu STPM” ialah Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Kajian ini dijalankan pada tahun 2007 dan dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan Melayu pada 13-15 Disember 2007 di Universiti Malaya. Daripada hasil kajian beliau, beliau mendapati lima faktor yang menyumbang kepada kurang minat pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, iaitu:

Sukatan pelajaran yang tidak praktikal. Sehingga ke hari ini, sukatan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM masih tidak berubah. Pendekatan yang digunakan masih sama, iaitu tertumpu kepada analisis teks semata-mata. Analisis teks tersebut hanya berkisar kepada tema, persoalan, plot, watak, latar dan sudut pandangan yang diulang-ulang saban tahun. Ini boleh menyebabkan pelajar berasa bosan dan kurang berminat untuk mengambil mata pelajaran ini.

Saingan dengan Kertas Bahasa Melayu dan mata pelajaran Seni Visual. Selepas mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini dipisahkan daripada kertas Bahasa Melayu, timbul masalah saingan terhadap kertas Bahasa Melayu itu sendiri. Pelajar lebih berminat mengambil kertas Bahasa Melayu atas dasar keperluan untuk mendapatkan tempat di universiti tempatan dan juga prospek pekerjaan yang lebih luas berbanding dengan mengambil kertas Kesusasteraan Melayu. Selain itu, kemunculan mata pelajaran Seni Visual telah mengubah minat pelajar. Mata pelajaran seni visual menampilkan sukatan pelajaran yang lebih menarik seperti adanya latihan amali dan teori yang mudah diikuti sesuai dengan perkembangan teknologi.

Kurangnya peluang kerjaya melalui bidang sastera. Hal ini disebabkan oleh pengisian sukatan pelajaran Kesusasteraan tidak memuatkan elemen yang boleh mendapat tempat dalam bidang ekonomi terutama dalam sektor pekerjaan swasta.

Pengisian sukatan pelajaran yang kurang menarik. Pengisian sukatan pelajaran yang menuntut pelajar menganalisis teks dari aspek tema, plot, perwatakan dan sumbangan tokoh dalam karya atau teks terpilih agak tebal memerlukan masa yang agak panjang. Hal ini menjadikan subjek Kesusasteraan Melayu tidak popular dalam kalangan pelajar kini.

Kurang inisiatif dalam menarik minat pelajar. Kebanyakan guru mata pelajaran sastera hanya menjalankan tugas sebagai guru, iaitu mengajar mengikut sukatan pelajaran yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Guru tidak menggunakan kaedah, pendekatan dan teknik baru semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan menyebabkan pelajar kurang berminat untuk mengambil mata pelajaran ini.

Analisis Kesesuaian Pemilihan Buku Teks Kesusasteraan Melayu Berdasarkan Teori Sosiologi

Kriteria Pemilihan Buku Teks Kesusasteraan Melayu

Kesusasteraan merujuk kepada hasil seni yang disampaikan melalui bahasa. Dari segi hurufiyah, perkataan kesusasteraan bermaksud “kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya”. Pada erti kata yang lebih luas, kesusasteraan boleh dimaksudkan sebagai segala pengucapan yang indah-indah, sama ada ia bertulis atau tidak. Mohd Taib Osman (1991) menjelaskan bahawa pada lahiriahnya wujud dalam masyarakat manusia melalui bentuk tulisan dan juga wujud dalam bentuk lisan. Dalam kehidupan seharian, kedua-dua bentuk kesusasteraan sememangnya tidak boleh dipisahkan. Oleh itu, kesusasteraan merupakan sebahagian daripada budaya manusia. Ia adalah ekspresi diri manusia dan juga manifestasi estetik manusia terhadap bahasa yang dipertuturkan oleh mereka sendiri. Penulis mendapati apa yang diperkatakan oleh Mohd Taib Osman bersamaan dengan pendapat Auguste Comte (1978) dalam teori sosiologi yang menyatakan bahawa Kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat. dalam konteks hubungan sastera dengan masyarakat jika dilihat dari sudut sosiologi adalah lebih rapat dan kompleks mirip kepada hubungan di antara teori dengan praktis yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Sebagaimana mata pelajaran lain, Kesusasteraan Melayu turut mendapat tempat dalam sistem pendidikan negara kita. Tetapi wujud beberapa kekeliruan dalam diri sebilangan masyarakat tentang maksud Kesusasteraan Melayu dan KOMSAS kerana jika dilihat sekilas pandang bunyinya seakan sama. Auguste Comte dalam teori sosiologinya menjelaskan bahawa kecelaruan intelektual boleh menyebabkan kecelaruan sosial. Terdapat kecelaruan intelektual yang nyata pada peringkat teologikal dan metafizikal yang menyebabkan berlakunya banyak pergolakan.

Namun begitu, Nik Hassan Basri Ab.Kadir (2005) berpendapat, kesusasteraan Melayu Waima Kesusasteraan Melayu Tradisional mahupun Kesusasteraan Melayu moden yang terdapat dalam kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) baik dahulu mahupun yang ada dan yang digunakan sekarang, dapat dibahagikan kepada dua jenis kesusasteraan sebagai subjek Kesusasteraan Melayu yang dinamakan sebagai ‘S’ besar dan kesusasteraan sebagai

komponen dalam subjek Bahasa Melayu yang dinamakan sebagai ‘s’ kecil. Kedua-dua jenis kesusasteraan yang terdapat dalam kurikulum itu mempunyai fungsi dan matlamat berbeza. Kesusasteraan sebagai ‘S’ besar atau Kesusasteraan sebagai subjek Kesusasteraan Melayu berfungsi untuk melengkapkan ilmu kesusasteraan dengan matlamat bahawa murid atau pelajar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan kesusasteraan Melayu negara agar mendapat tempat di hati semua orang dalam menuju dunia serba maju moden ini.

Kesusasteraan Melayu merupakan salah satu mata pelajaran elektif atau pilihan di peringkat menengah atas, iaitu Tingkatan 4, 5 dan 6. Penulis mendapati, Kesusasteraan Melayu ialah subjek pilihan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Malah dalam Kurikulum Kesusasteraan Melayu diajar sebagai subjek elektif di peringkat menengah atas, iaitu tingkatan empat, lima dan enam.

Terdapat beberapa jenis hasil karya asli dan tulen yang merangkumi dalamnya mata pelajaran Kesusasteraan Melayu seperti novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional dan puisi tradisional. Di mana, semua jenis hasil karya tersebut yang sarat unsur-unsur keindahan dan kehalusannya adalah nukilan para pencinta dan pengiat dunia sastera terutamanya para sasterawan terkenal tanah air seperti Keris Mas, Shahnon Ahmad, A. Samad Said, Abdullah Hussain, Usman Awang, Muhammad Haji Salleh, Nordin Hassan, S. Othman Kelantan, Arena Wati, Anuar Ridzuan dan Ahmad Kamal Abdullah.

Apresiasi terhadap karya sastera dilaksanakan melalui kajian teks. Kajian ini berdasarkan aspek sastera, iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, nada, sudut pandangan, nilai kemanusiaan dan pengajaran. Kajian teks ini meliputi bidang prosa dan puisi. Kesusasteraan Melayu terbahagi kepada dua cabang, iaitu Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Kesusasteraan Melayu Moden yang mana kedua-dua mempunyai perbezaan ketara.

Kesusasteraan Melayu Tradisional turut dikenali sebagai Kesusasteraan Melayu klasik, dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Kesusasteraan Melayu Tradisional lisan yang berbentuk lisan atau naratif lisan dikenali sebagai kesusasteraan rakyat. Ini kerana, ianya diwarisi dari generasi terdahulu ke satu generasi atau disampaikan dari mulut ke mulut menyebabkan ianya terdedah dengan unsur-unsur tokok tambah dan pengguguran. Oleh sebab unsur tokok tambah dan pengguguran pada beberapa bahagian ceritanya tidak dapat dielakkan, sehingga kadangkala cerita yang disampaikan oleh seseorang itu mudah

menjadi satu versi yang tersendiri. Terdapat beberapa jenis cerita yang tergolong di dalamnya seperti cerita asal usul, cerita lagenda, cerita jenaka, cerita mitos, cerita binatang dan cerita penglipur lara. Fungsi utamanya ialah sebagai alat hiburan atau *escapisme* dan penyalur pendapat rakyat.

Seterusnya, ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional, tulisan pula berbentuk cerita seperti Kesusasteraan Hikayat, Kesusasteraan Epik, Kesusasteraan Panji, Kesusasteraan Sejarah dan Kesusasteraan Agama. Selain berbentuk prosa, terdapat juga bentuk puisi seperti puisi Melayu Tradisional meliputi pantun, syair, gurindam, seloka, mantera, teromba dan sebagainya. Puisi merupakan suatu bentuk tulisan yang berirama dan merupakan karangan yang tidak bebas atau berangkap kerana dihasilkan secara kreatif mengikut imaginasi penciptanya. Ia juga memiliki susunan perkataan yang bermakna, istimewa, baik, indah dan memiliki keunikan dan keistimewaan tersendiri.

Kesusasteraan Melayu Moden pula terbahagi kepada dua pecahan, iaitu prosa moden terdiri daripada genre novel, cerpen, sajak dan drama. Namun, sajak juga dikategorikan sebagai puisi Melayu moden. Di mana, kedua-duanya merupakan karangan bebas yang dihasilkan oleh penggiat sastera masyarakat Melayu moden.

Pemilihan buku-buku teks Kesusasteraan Melayu di sekolah-sekolah Malaysia acap kali dikritik oleh para penulis dan penggiat sastera, tetapi tidak berkesan. Oleh hal yang demikian, kesilapan dalam pemilihan hanya terus berlaku dan memberi kesan yang amat negatif dalam pelajaran sastera. Menurut Auguste Comte (1798) hasil sastera mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat, terutama masyarakat pembaca. Penulis mendapati karya yang tidak bermutu dan mempunyai nilai moral yang negatif dipilih kerana pihak yang membuat pilihan terlalu bergantung kepada pemilihan yang dibuat oleh juri yang tidak cekap dalam sesuatu peraduan menulis. Walaupun para juri ini dari segi zahirnya seolah-olah mempunyai kewibawaan tertentu, tetapi kerana ukuran yang mereka akan gunakan itu kabur dan tidak konkret, maka mereka sering kali membuat kesilapan dalam penilaian mereka. Penilaian yang salah dan tidak tepat ini dijadikan sandaran oleh pihak-pihak tertentu untuk membantu mereka memilih karya yang boleh dipakai dalam pelajaran sastera.

Lima Kriteria Pemilihan Buku Teks Kesusasteraan Berasaskan Teori Sosiologi

Setelah membuat kajian, penulis mendapati lima kriteria pemilihan buku teks Kesusasteraan Melayu. Kelima-lima perkara ini difikirkan penting dan mesti ada dalam karya-karya yang dipilih seperti minat atau kecenderungan pelajar, kesesuaian dari segi konteks, wacana yang mudah difahami, kepelbagaian isu yang diketengahkan dan hanya yang menjana pemikiran yang kritis.

Minat

Faktor pertama yang dianggap penting ialah mengetahui minat para pelajar. Setiap teks sastera itu bertema dan pemilihan teks juga bermaksud pemilihan tema bakal dipelajari oleh pelajar-pelajar. Temanya perlu selari dengan minat kumpulan sasaran, memberi pengetahuan, mengubah, mencabar, memperkaya, membentuk lahiriah, emosi, rohani, intelek, menyemai nilai-nilai dan menghiburkan. Dalam usia meningkat remaja, pentingnya tema yang secara umum digemari oleh para pelajar ialah tema-tema yang berpusat pada persahabatan, percintaan dan cita-cita. Pada peringkat ini, mungkin kurang sesuai jika disogokkan teks yang mempunyai unsur satira politik kerana unsur ini hanya sesuai untuk orang dewasa. Pemilih buku teks kesusasteraan Melayu memang tidak dapat dinafikan agak sukar untuk memilih karya-karya sastera yang sesuai kerana pemilih cuba berfikir daripada kaca mata atau usia mereka. Kebiasaannya, pemilih lebih terdedah pada tema-tema dewasa. Namun demikian, tidak bermaksud pemilihan menjadi terlalu “rigid”. Sesekali perlu juga didedahkan tema yang pelbagai kepada pelajar-pelajar seperti politik, sejarah mahupun falsafah terutamanya jika kohort pelajarnya sudah matang pemikiran mereka.

Kesesuaian Konteks Dalam Teks

Kesesuaian teks dalam konteks masyarakat hari ini perlu difikirkan dan diberikan pertimbangan. Ini dibuktikan oleh pendapat Auguste Comte (1798) dalam teori sosiologinya yang menyatakan bahawa

pengaruh masyarakat terhadap sesebuah karya itu amat kuat. Masyarakat mempunyai kuasa penentu terhadap pencipta dan nilai sastera. Ini disebabkan masyarakat dan tatasusilanya mempunyai ukurannya yang tersendiri mengikut budaya dan adat istiadatnya. Para pelajar harus didedahkan kepada isu-isu kontemporari dan melalui sastera dapat mengetengahkan isu-isu tersebut. Contohnya, tema-tema persahabatan, percintaan dan cita-cita kini tidak mungkin sama dengan duniawi pemikiran masyarakat lama. Isu-isu "taboo" suatu ketika dahulu tidak harus diselindungi lagi kerana sejauh mana pun isu-isu tersebut, ia akan tetap berlaku terutama yang berhubung kait dengan masalah sosial para remaja. Jika teks lama mengagungkan cinta sebagai sesuatu yang suci dan murni, soal cinta untuk remaja generasi kini, mungkin telah disalahtafsirkan dengan kesetiaan yang membawa tuli hingga menjerumuskan mereka ke lembah kehinaan. Teks-teks yang sedemikian rupa hendaklah dikesampingkan kerana nilai moralnya ialah nilai negatif.

Wacana

Teks Kesusasteraan Melayu yang dipilih hendaklah mempunyai wacana yang mudah difahami sesuai dengan tahap umur dan pencapaian bahasa mereka. Setiap kelas tahap pencapaian bahasa mereka berbeza-beza. Pada tahap permulaan karya-karya yang diperkenalkan kepada pelajar mestilah karya-karya yang mudah dan bahasanya pada tahap yang boleh difahami oleh semua pelajar. Sekiranya bahasanya sukar, pelajar tidak dapat memahami teks dan pelajar tidak dapat untuk mengemukakan idea semasa sesi perbincangan dijalankan. Pelajar menjadi bosan dan membunuh minat mereka mempelajari sastera dan sekali gus pelajar akan berfikiran bahawa mata pelajaran Kesusasteraan sesuatu yang tidak mudah dan abstrak. Bahasa yang ringkas, spesifik dan ekonomis tidak bermakna teks itu kurang mutunya. Justeru itu, kita perlu melihat pengajaran sastera itu sebagai suatu yang berperingkat. Oleh itu, pengajaran kesusasteraan tidak mahu menjadi terlalu idealis, ingin menjana pemikiran pelajar tanpa menilai kemampuan mereka terlebih dahulu. Pelajar sekolah di peringkat remaja mempunyai minda yang cerdas, baik untuk membantu mereka menambah korpus bahasa serta mempelajari isi kandungan teks yang dipilih. Selain itu, bahasa yang digunakan hendaklah mudah dan mengandungi unsur-unsur keindahan dan pengajaran.

Kepelbagaian Isu

Pemilihan teks bertujuan mengetengahkan kepelbagaian isu yang dapat menjana pemikiran kritis. Secara tidak sedar, pelajar akan rasa seronok dan berminat untuk membaca teks sastera. Apabila pelajar berada di dalam kelas, mereka akan bersedia untuk membuat perbincangan dan diskusi serta dapat bertukar-tukar fikiran. Seorang guru berpendapat bahawa pembelajaran yang berkesan ialah pembelajaran di mana pelajar itu sendiri membentuk dan mengetengahkan idea mereka sendiri dan dapat mengemukakan persoalan yang pelbagai daripada yang bersifat menyampaikan. Biasanya guru akan memilih teks yang mempunyai nilai-nilai murni atau moral yang diharap dapat memberikan pengajaran kepada pelajar. Teks yang dipilih hendaklah mempunyai objektif utamanya memberikan kesedaran atau membuka fikiran para pelajar kepada apa yang berlaku pada dunia hari ini. Selain itu, objektifnya ialah untuk menerapkan nilai-nilai murni. Kepelbagaian isu dan isu semasa hendaklah diutamakan apabila memilih teks sastera. Perkara ini penting kerana ia dapat menarik minat pelajar untuk membaca dan berbincang. Penulis mendapati bahawa pendapat Auguste Comte (1798) yang menyatakan bahawa Kesusasteraan semestinya mendampingi masyarakat dan segala gambaran mestilah menurut apa yang terjadi dalam masyarakat pada ketika itu. Perkara ini penting kerana pelajar dapat berbincang dan bertukar-tukar fikiran ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan dan dapat mengaitkan dengan isu semasa.

Menjana Pemikiran Kritis

Kemahiran berfikir telah lama diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran dan dikenali sebagai kemahiran berfikiran kritis dan kreatif. Kemahiran berfikir dirumuskan sebagai proses menggunakan minda sama ada untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah. Semasa pemilihan buku teks untuk Kesusasteraan Melayu, pemilih hendaklah memasukkan elemen kemahiran berfikir terutamanya pemikiran kritis. Kemahiran berfikir kritis hendaklah ada dalam teks Kesusasteraan Melayu kerana kemahiran ini membolehkan pelajar menilai kemunasabahan sesuatu idea dan bersifat evaluatif. Susunan kemahiran berfikir secara kritis ialah mencirikan, membandingkan

dan membezakan, mengumpul, dan mengelaskan, membuat urutan, menyusun mengikut keutamaan, menganalisis, mengesan kecondongan, menilai dan membuat kesimpulan. Kemahiran berfikir secara kritis mengajar pelajar berfikir daripada yang mudah kepada yang musuh.

Selanjutnya, Mohamad Salleh Rahmad (2011:15) ada menjelaskan tentang pemilihan buku teks Kesusteraan Melayu yang sesuai. Sekiranya karya sastera hendak dimanfaatkan sebagai penyangga sistem pengajaran Bahasa Melayu, pemilihan teks mesti diberi perhatian yang serius. Baru-baru ini telah timbul isu bahawa buku teks KOMSAS tidak mencerminkan ketinggian nilai sastera. Dikatakan bahawa ada karya yang bersifat popular dan rendah nilai kesusteraanannya terpilih sebagai teks. Jika dakwaan ini benar, mutu bahasa teks tersebut juga boleh disangskikan.

Teks sekolah perlu mencerminkan pencapaian tertinggi sastera kebangsaan, bukannya daripada karya yang tidak teruji. Penentuan sama ada karya itu bernilai atau tidak sangat mudah kerana telah banyak proses penilaian dibuat terhadap karya sastera di negara ini sama ada melalui sayembara penulisan, anugerah penghargaan, mahupun kritikan yang berwibawa. Pemilihan teks yang representatif bagi zaman dan angkatan tertentu akan mampu membentuk manfaat yang diharapkan. Karya sedemikian telah dinilai sebagai baik dalam aspek bahasanya dan dapat digunakan untuk mempelbagaikan data kebahasaan.

Kita berharap agar kuasa yang sudah ada di tangan digunakan sebaik-baiknya demi kemajuan bangsa dan bahasa. Sebarang anasir yang bersifat kepentingan peribadi perlu disekat daripada menular ke dalam pelaksanaan sistem pendidikan. Kita cuma mampu berharap agar dakwaan dan keimbangan ini tidak berasas. Namun begitu, pandangan luar juga perlu diberi perhatian dan dinilai kesahihannya kerana barangkali ada kebenarannya.

Walaupun lari sedikit daripada topik awal, perbincangan tentang pemilihan buku teks sastera di sekolah menemukan kita kepada persoalan asasi: Apakah kesusteraan yang bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat pengajaran bahasanya? Serampang dua mata ini perlu dilandasi asas pemilihan yang sesuai. Bagi memenuhi matlamat tersebut, perlu dipilih teks mengikut keutamaan yang berikut:

1. Karya pengarang tempatan yang baik bahasanya, sesuai dari segi keterbacaan dan kandungannya. Karya popular yang menggunakan bahasa slanga dan kolokial yang melampau perlu dielakkan. Antara pengarang prosa yang mempunyai bahasa yang baik ialah Anwar Ridhwan, Arenawati, Siti Zainon Ismail, SM Zakir, A. Samad Said, Azizi Haji Abdullah, S. Othman Kelantan, dan Shahnon Ahmad. Mereka ini antara sekian banyak pengarang yang telah berjuang memartabatkan sastera kebangsaan dan karya mereka juga telah teruji. Oleh itu, tidak ada alasan bagi kita untuk memilih karya popular yang entah siapa pengarangnya sebagai teks sekolah.
2. Karya yang membina unsur positif dan menentang unsur negatif. Ini ciri yang sudah muktabar dalam prinsip pemilihan teks; tetapi berdasarkan permasalahan semasa dan akan datang, apakah kayu ukur sebenar untuk mencirikan teks dalam kategori itu? Keperluan kita ialah kesusastraan yang menyuburkan perpaduan, menentang perkauman, menentang rasuah, menggalakkan kerja kuat, membangunkan nasionalisme, menolak perpecahan akibat politik dan mengindoktrinasikan kebersihan jasmani dan rohani. Maka, pilihlah teks yang mencabar mesej ini.
3. Pilihlah karya yang mengangkat perjuangan mengembalikan harga diri di sisi bangsa asing (Barat atau penjajah) dalam konteks moden (bukan yang bersifat sejarah kerana dibimbangi akan menimbulkan persepsi bahawa kita bernostalgia). Bagi tujuan itu, karya yang menokohkan petualang wira ke negara asing perlu diketengahkan sebagai sarana untuk mengekang hegemoni Barat yang sangat kuat merempuh jati diri generasi masa kini. Menjelang dekad 80-an, telah banyak lahir karya yang bercorak demikian apabila wira fiktif dihantar ke tengah-tengah negara Barat lalu melakukan pemulihian harga diri. Karya Arenawati, Shaari Isa, B. H. Amir, Aminah Mokhtar, misalnya memberikan wajah wira moden yang mahu berdialog dengan khalayak baharu. Mereka bukan lagi wira tradisional yang jauh dari kefahaman generasi muda tetapi wira moden yang relevan dan dapat diterima.

Sekiranya cadangan ini sukar disambut kerana kita kekurangan karya yang sesuai atau karya yang ada terlalu berat untuk pelajar sekolah, ada baiknya langkah proaktif dilakukan:

1. Mengubahsuaikan karya yang sedia ada jika kandungannya sesuai dengan matlamat pendidikan. Sebenarnya banyak karya tempatan yang berpotensi diubahsuaikan menjadi bacaan remaja. Usaha ini tidak banyak dilakukan sedangkan sastera Inggeris tersebar ke seluruh dunia dengan kaedah sebegini. Tanpa pengubahsuaian, tidak mungkin karya Willian Shakespeare, John Steinbeck, Thomas Hardy, Joseph Conrad, Rudyard Kiplin, Jules Verner dan Shamus Frazer, misalnya, sampai ke tangan pelajar sekolah kita sejak dahulu lagi.
2. Terjemahkan karya berat oleh pengarang tempatan yang telah diubahsuaikan untuk bacaan remaja. Karya itu perlu disebarluaskan mungkin dan dijadikan projek kebangsaan (boleh juga dikaitkan dengan program 1 Malaysia). Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka perlu melakukan usaha sinergi demi melangsungkan projek ini. Tentunya Kementerian Pelajaran juga campur tangan bagi memastikan karya tersebut mendapat pasaran di sekolah.
3. Mengadakan peraduan menulis dengan tema dan subjek cerita yang ditentukan. Karya yang tersaring daripada sayembara boleh diprogramkan agar memberikan nilai bahasa dan pemikiran yang dihasratkan. Tidak ada salahnya kalau sastera bertendensi dipupuk melalui peraduan walaupun ada kongkongan dari segi kebebasan penulis kerana ini untuk kebaikan membina generasi muda.

Konsep Pemilihan Teks Kesasteraan Melayu

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan proses kesinambungan. Ia tidak berpisah di antara dahulu dan sekarang. Akibat daripada perubahan masa dan zaman, ia berubah dari segi kaedah, teknik, dan pendekatan atau teori serta media yang digunakan dalam memperoleh ilmu pengetahuan. Begitu juga dengan perubahan dari segi perkembangan ilmu itu sendiri. Sungguhpun begitu, matlamat

dan objektif pembelajaran masih sama, iaitu secara yang terbaik, terancang, sistematik, dan kemas kini. Seterusnya, untuk mencari kebenaran.

Objektif utama pemilihan bahan atau buku teks dalam pengajaran kesusasteraan Melayu ialah agar bahan yang dipilih itu sesuai dan menepati keperluan-keperluan yang dikehendaki dan sekali gus memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Bahan pengajaran sastera mestilah dipilih, disusun, dikawal, dan digredkan. Bahan ini hendaklah sesuai berdasarkan tujuan dan tingkat pencapaian pelajar, begitu juga dengan pemilihan buku teks.

Penulis mendapati buku teks kesusasteraan Melayu mengalami beberapa masalah kerana Biro Pemilihan Buku Teks Kesusasteraan Melayu tidak mengikut saranan yang diberikan oleh pusat Perkembangan Kurikulum yang berkaitan dengan perkembangan jiwa, keadaan emosi dan pengetahuan pelajar mestilah diutamakan. Perlu juga mempertimbangkan keperluan pelajar, tuntutan sosial dan moral sesuai dengan pendapat Auguste Comte dalam teori Sosiologinya. Beliau menjelaskan bahawa penekanan kepada aspek-aspek sosial tentang bagaimana seseorang rakyat atau individu seharusnya menjadi anggota masyarakat yang berguna, bertanggungjawab demi kepentingan masyarakat umum.

Pemilihan buku teks juga hendaklah mengambil kira bahan-bahan yang dapat mengembangkan daya imaginasi dan daya kreatif untuk menyuburkan pertumbuhan emosi yang sihat. Seterusnya, bahan yang dipilih juga dapat memperkayakan pengertian terhadap keindahan kehidupan, kemanusiaan, dan kecintaan kepada Tuhan. Selanjutnya, pemilihan buku teks juga menitikberatkan bahan yang berpotensi untuk diinterpretasikan dan mengandungi amanat. Amanat yang ada mestilah mampu menajamkan daya fikir yang kritis. Justeru, penyediaan dan penyusunan buku-buku teks kesusasteraan Melayu harus dipandang serius oleh biro Buku Pelajaran untuk mengelakkan masalah terlalu bersifat falsafah yang tinggi kepada pelajar.

Dalam pada itu, pemilihan teks karya sastera haruslah dilakukan oleh barisan panel penilai yang bukan sahaja pakar dalam bidang sastera, tetapi juga mempunyai pengalaman dalam sistem pendidikan negara. Apa yang penting ialah isi kandungan teks sastera dengan mudah dapat dihayati dan difahami oleh pelajar sesuai dengan peringkat umur. Misalnya, teks sastera SPM yang dipilih haruslah mewakili golongan remaja yang dapat membina sahsiah remaja yang cemerlang, nilai

hidup remaja beragama, dan bermoral serta berwawasan. Karya-karya tersebut harus dipersembahkan dalam pelbagai versi, daripada yang mudah kepada yang sederhana dan akhirnya berbentuk asli. Selain itu, teks sastera juga harus meliputi sastera Tradisional dan Moden secara menyeluruh serta bukannya secara pilihan.

Kesimpulan

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan mempunyai tujuan murni, iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Lazimnya pemilihan buku teks kesusasteraan Melayu selalu diperkatakan. Karya yang tidak bermutu dan mempunyai nilai moral yang negatif dipilih oleh juru-juri yang tidak cekap dalam sesuatu peraduan menulis. Biasanya karya-karya yang menang dalam pertandingan akan dipilih sebagai bahan buku teks. Juri-juri yang dipilih untuk sesuatu pertandingan karya, biasanya bukan terdiri daripada kalangan guru sastera.

Dalam hal ini, pemilihan buku teks hendaklah dalam kalangan guru sastera sahaja yang lebih faham tentang teks yang diperlukan dan dapat memenuhi selera pelajar. Buku teks yang dipilih hendaklah tidak terlalu tinggi falsafah dan bahasanya, memandangkan pelajar yang mengambil mata pelajaran ini terdiri daripada pelajar yang agak lemah pemikirannya. Pihak lain tidak wajar campur tangan dalam pemilihan buku teks Kesusasteraan Melayu kerana penglibatan pihak-pihak luar lebih bersikap mementingkan kelompok dan individu yang bakal mencetuskan konflik.

Rujukan

- Auguste Comte. (1798). “Sosiologi Sastera” dalam *Koleksi Teori Sastera Klasik, Tradisional, Moden, Pascamoden dan Tempatan*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Hussein Hj Ahmad. (1993). *Pendidikan dan Masyarakat antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mana Sikana. (2005). *Teori Sastera Kontemporeri*. Singapura: Penerbit Pustaka Karya.
- Mohammad Mokhtar Abu Hassan. (2007). “Penilaian ke Arah Memartabatkan Kembali teks Kesusasteraan Melayu STPM” dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan UM.
- Mohd Mokhtar Abu Hassan. (2011). “Mentransformasikan pengajian Kesusasteraan Melayu dalam konteks ilmu dan nilai-nilai pasaran” dalam Buku *Keperluan masa depan Kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publication.
- Mohd Taib Osman. (1991). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Salleh Rahamat. (2011). “Fungsi Sastera dalam Pembinaan Budaya, Pengukuh Ideologi dan Alat Pendidikan Bahasa” dalam *Prosiding Keperluan Masa Depan Pengajaran Kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim : Emiritus Publication.
- Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir. (2005). *Citra KOMSAS*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shahnon Ahmad, 2008. “Novel Pop Bukan Kitsch Bukan Erotik Bukan Picis”, *Dewan Sastera*, Januari, 22–24.